

Soalan No : 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** Y.B TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**TARIKH :** 17.3.2015**SOALAN :**

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah masalah kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) yang telah berlarutan begitu lama akan selesai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan bekalan graduan pendidikan keluaran tahun 2014, sejumlah 1,406 graduan telah dan akan ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai 5 Januari 2015 bagi menampung kekosongan jawatan yang berlaku di SJKC. Sehubungan dengan itu, hanya terdapat 28 kekosongan jawatan yang berlaku di SJKC pada 28 Februari 2015. Jumlah 28 kekosongan tersebut merupakan *varian* yang munasabah dengan mengambil kira pengisian bagi penyandang-penyandang yang akan tamat cuti belajar dan cuti tanpa gaji mengikut pasangan yang mana masih di dalam tindakan pengemaskinian Kementerian.

Manakala berdasarkan statistik guru di SJKT secara keseluruhan di peringkat KPM adalah mencukupi berdasarkan data sehingga 24 Februari 2015. RJM33